

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: SoIS - Pusat Pengajian Antarabangsa
Sent: Tuesday, July 24, 2018 2:52 PM
To: UUM - All Staff
Subject: GILIRAN SOIS MENJELAJAH HUTAN SINTOK

DARIPADA:
PUSAT PENGAJIAN ANTARABANGSA
UUM COLLEGE OF LAW, GOVERNMENT AND INTERNATIONAL STUDIES
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04 - 9288451 ☎ 04 - 9288470
✉ sois@uum.edu.my ✉ sois.uum.edu.my



24 JULAI 2018 / 11 ZULKAEDAH 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



GILIRAN SOIS MENJELAJAH HUTAN SINTOK

SoIS ONLINE: Pusat Pengajian Antarabangsa (SoIS) telah menganjurkan program JELAJAH HUTAN SINTOK BERSAMA GRANTT 2018. Pensyarah dan Staf GRANTT telah terlibat dalam program tersebut yang diketuai oleh Ketua Jabatan Perniagaan Antarabangsa, Prof. Madya Dr. Mohd Haniff Jedin. Tujuan program tersebut adalah

untuk meningkatkan hubungan keakraban dan silaturrahim. Antara yang menarik adalah penglibatan pensyarah veteran iaitu Prof. Madya Dr. Muhammad Muda dan En. Mohd Safiai yang berumur lebih 65 tahun. Walaupun sudah berumur lanjut tetapi semangat yang tinggi serta stamina yang cergas banyak membantu mereka berjaya menamatkan ekspedisi ini. Program tersebut juga bertujuan untuk menanamkan semangat bekerjasama dalam satu pasukan "Espirit De corp". Dalam masa yang sama SoS juga mengambil peluang untuk mempromosikan rakan industri kami iaitu GRANTT International Sdn Bhd.

Selain dari itu, ekspedisi tersebut juga memberi peluang kepada para peserta untuk menikmati keindahan flora dan fauna. Aktiviti ini juga menguji ketangkasan semua peserta dalam mendaki dan menuruni bukit serta rintangan yang memerlukan daya stamina yang tinggi. Ekspedisi tersebut telah dibantu oleh jurumudi yang berpengalaman iaitu En. Tarmizi Musa.

Perjalanan ekspedisi dibahagi kepada Tiga fasa: Fasa Pertama, ekspedisi bermula dari padang PALAPES ke pokok sintok berdekatan di Padang Golf UUM. Fasa kedua, kami menuju ke Air Terjun Sintok. Di sini kami menikmati keindahan flora dan fauna serta titisan air terjun yang menyejukkan. Fasa 3, kami menuju ke Sungai Badak. Antara perjalanan yang paling mencabar, kerana bukitnya agak tinggi dan memerlukan kerjasama antara peserta dalam mendaki bukit tersebut. Bukit yang kecerunannya 70 darjah agak sukar untuk didaki dan merupakan fasa yang paling mencabar.

Akhirnya kami sampai di Tasik Sintok. Tasik yang sungguh permai dan sesuai kepada peserta untuk berehat sambil menikmati makan tengahari dan berkelah.

Habis.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.